



Majlis Pelantikan & Angkat Sumpah AHLI MAJLIS MBBB SESI 2018-2019



**KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE
PERINGKAT WILAYAH 2018
(WILAYAH SELATAN)**



**MAJLIS PELANCARAN PENGECUALIAN
FI LESEN PENJAJA JOHOR**



**MBJB TERIMA ANUGERAH DI
FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA**

m/s

KANDUNGAN

- 3 – AUDIT TEKNIKAL KESIHATAN PERSEKITARAN
- 4 – KONVENSyen TEAM EXCELLENCE PERINGKAT WILAYAH 2018
- 5 – LARIAN OBOR ASIA PACIFIC MASTER GAMES (APMG)
- 5 – JB WAKE UP! CAR FREE DAY
- 6 & 7 – RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MBBJ
- 8 & 9 – INFO LAWATAN
- 10 – MAJLIS PENGECUALIAN FI LESEN PENJAJA JOHOR
- 11 – KILAS LENSEA
- 12 & 13 – MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MBBJ 2018/2019
- 14 – ACARA LELONGAN BARANG SITAAN MBBJ
- 15 – SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-61
- 16 & 17 – PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA 21
- 18 – FOKUS LENSEA
- 19 – PELANCARAN EKSA MBBJ
- 19 – MBBJ SERTA FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA
- 20 & 21 – MBBJ SANA SINI
- 22 – OPS CUKAI HARTA MBBJ
- 22 – SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1440H
- 23 – KOLABORASI PSI, IPG KAMPUS TEMENGGONG IBRAHIM JOHOR & YBJB RAI SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN
- 23 – PERHIMPUNAN BULANAN MBBJ

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Haji Amran bin A. Rahman
Datuk Bandar

PENASIHAT

Ir. Hajah Nazatul Shima binti
Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Fadzlina binti Abdul Malek

SIDANG PENGARANG

Hidayah binti Yusof
Nurul Shafina binti Shaari
Mohamad Rashid bin Selamat
Norasmah binti Mohd Adros

JURU FOTO

Bahri bin Abdullah
Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

LENSEA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

**Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.**

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBJ (AM)

PEJABAT DATUK BANDAR		Unit Dasar, Inovasi & Latihan	07-219 8171/ 2198114	Pejabat Am	07-228 2597
Pejabat Am	07-228 2600	Unit Mesyuarat	07-228 2610	Bahagian Pengangkutan Bandar	07-227 7235
PEJABAT SETIAUSAHA		JABATAN KEWANGAN		Bahagian Kejuruteraan Awam	07-219 8131
Pejabat Am	07-228 2625	Pejabat Pengarah Kewangan	07-219 8091	Bengkel Kejuruteraan Awam (Taman Mount Austin) / UTC	07-351 1503
TIMBALAN SETIAUSAHA		Bahagian Hasil	07-219 8050	Unit Mekanikal & Elektrikal (Taman Mount Austin)	07-351 3262
Pejabat Am	07-219 8105	Bahagian Perbelanjaan	07-219 8093	Bahagian Saliran & Pengurusan Sungai	07-219 8125
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM		Unit Letak Kereta	07-219 8077	JABATAN KESIHATAN	
Pejabat Pengarah Korporat & Perhubungan Awam	07-219 8060	JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA		Pejabat Pengarah Kesihatan	07-228 2619
Unit Perhubungan Awam (Aduan)	07-219 8061	Pejabat Pengarah Penilaian	07-219 8223	Bahagian Kesihatan Awam	07-228 2564
Unit Korporat & Penerbitan	07-219 8052	Bahagian Penilaian	07-227 1055	Klinik Bandaraya (JOTIC)	07-228 2630
Unit Penswastaaan & Pelaburan	07-228 2627	Bahagian Pengurusan Harta	07-223 8469	Bahagian Kesihatan Alam Sekitar	07-228 2605
BAHAGIAN AUDIT DALAM		Bahagian Tunggakan Cukai Harta & Caj Pemajuan	07-222 9962	JABATAN PELESENAN	
Pejabat Am	07-219 8311	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN		Pejabat Pengarah Pelesenan	07-228 2563
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)		Pejabat Pengarah Perancangan	07-227 1029	Bahagian Pelesenan	07-228 2501
Pejabat Am	07-223 8531	Bahagian Kawalan Perancangan	07-219 8218	Bahagian Penjaja	07-227 7576
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG		Bahagian Rancangan Pemajuan	07-219 8245	Unit Iklan	07-228 2562
Pejabat Penasihat Undang-Undang	07-219 8302	JABATAN BANGUNAN		JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN	
Pejabat Am	07-219 8305	Bahagian Kawalan Bangunan	07-228 2511	Pejabat Pengarah Kemasyarakatan	07-223 1026
Pejabat Am (Mahkamah Bandaraya Johor Bahru)	07-228 2643	Bahagian Penguatkuasaan Bangunan	07-219 8237	Bahagian Sukan & Pelancongan	07-224 6708
UNIT HENTIAN SETEMPAT (OSC)		Bahagian Projek Bangunan	07-219 8145	Bahagian Sosial & Kebudayaan	07-224 4139
Pejabat Am	07-222 4923	JABATAN LANDSKAP		Perpustakaan Sultan Ismail	07-239 1791
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN		Pejabat Ketua Pen. Pengarah Landskap	07-228 2635	BAHAGIAN Penguatkuasaan	
Pejabat Pengarah Khidmat Pengurusan	07-219 8371	Bahagian Taman Awam	07-228 2636	Pejabat Am	07-219 8229
Bahagian Pentadbiran	07-219 8359	Bahagian Arborikultur	07-217 4575	Direktorat Penguatkuasa (Segget)	07-226 1025
Bahagian Teknologi Maklumat	07-219 8069	Bahagian Hortikultur	07-216 7964	BAHAGIAN INTEGRITI	
Bahagian Sumber Manusia	07-219 8183	JABATAN KEJURUTERAAN		Pejabat Am	07-219 8117
Bahagian Ukur Bahan & Kontrak	07-219 8097	Pejabat Pengarah Kejuruteraan	07-228 2596		

AUDIT TEKNIKAL KESIHATAN PERSEKITARAN



4 JULAI 2018 – Objektif pemantauan audit untuk memastikan perolehan aset yang dibekalkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan *Standard of Procedure* (SOP) lain berkaitan kesihatan persekitaran dipatuhi dan teratur. Audit pemantauan ini melibatkan Jabatan Kesihatan, MBBJ selaku jabatan utama dan beberapa jabatan dalaman yang lain. Pegawai pemantau dari Jabatan Kerajaan Tempatan iaitu En. Ooi Poh Keong, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran dan En. Ahmad Faisal bin Awang Sofa, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dipertanggungjawabkan untuk auditan ini.

Pada tahun 2017, sejumlah RM28,430.00 telah diperuntukkan kepada MBBJ bagi melaksanakan Program Kesihatan Persekitaran yang merangkumi aktiviti kawalan vektor, kawalan haiwan terbiar, kawalan tikus, kawalan dan keselamatan makanan, kebersihan pasar dan kebersihan tandas.

Pemantauan audit adalah berdasarkan penilaian terhadap beberapa kriteria seperti prosedur kewangan, pengurusan aset alih (harta modal dan inventori), pendaftaran bahan kimia, program kawalan penyakit dan vektor, program kawalan pusat penyembelihan dan pasar, program kawalan haiwan terbiar, program kawalan dan keselamatan makanan serta program kebersihan tandas.

IKLAN BANDAR RAYA

Mulai 1 Oktober 2018 hingga 31 Disember 2018

- Kadar pengurangan bayaran kompaun kembali seperti biasa berkuatkuasa **1 JANUARI 2019**
- Sila jelaskan bayaran kompaun di :

NIKMATI PENGURANGAN

50%
SEMUA KOMPAUN MBBJ
(Tidak terpakai bagi kompaun berstatus 'Operasi Penguatkuasaan')

Kaunter Setempat MBBJ

Pejabat Cawangan Johor Jaya

Pejabat Cawangan Permas Jaya

Kaunter Bergerak MBBJ

UTC Galleria Kotaraya JB

Kios Bayaran SAJ & TNB

Secara 'online' melalui pautan **ekhidmat.my**



07-219 8077

www.mbbj.gov.my

Lensa
Bandar Raya JB

MBBJ
3

KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE PERINGKAT WILAYAH 2018

Teks Oleh: Mohd Alhafiz bin Jaffar

10 & 11 JULAI 2018 – Kumpulan ‘Tangan Mekanik’ dari Jabatan Kejuruteraan telah mewakili Majlis Bandaraya Johor Bahru ke pertandingan Mini Konvensyen *Team Excellence* Wilayah Selatan 2018 yang telah diadakan di Hotel Holiday Villa, Johor Bahru. Antara objektif diadakan konvensyen ini bertujuan menggalakkan pemelesaian aktiviti ICC/QE/LEAN di seluruh negara, memberi pendedahan kepada peserta mengenai aspek produktiviti ICC/QE/LEAN dan kualiti dalam ICC/QE/LEAN, membolehkan organisasi baru menceburkan diri dalam aktiviti ICC/QE/LEAN di samping menimba pengetahuan dari organisasi yang berpengalaman dan memilih Kumpulan ICC/QE/LEAN yang terbaik untuk menyertai Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan.



Kumpulan ‘Tangan Mekanik’ telah membawa projek bertajuk ‘Kelewatan Membaiki Kerosakan Tayar Kenderaan Berat Milik MBBJ’. Konvensyen telah dirasmikan oleh YBhg. Tn.Hj. Mohd Zaki Ibrahim, Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia, Pejabat Wilayah Selatan. Majlis penutup pula telah dirasmikan oleh YB Dato’ Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. ‘Tangan Mekanik’ telah berjaya memperolehi ‘Gold Award’ dalam konvensyen tersebut dan akan mewakili MBBJ ke Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan (NTEx) 2018 sempena APIC 2018 pada 13-15 November 2018 bertempat di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC).

Tahniah diucapkan!



LARIAN OBOR

ASIA PACIFIC MASTER GAMES (APMG)



Teks Oleh: Nurfarahin binti Haron

30 JULAI 2018 – Sempena mempromosikan kejohanan Asia Pacific Master Games (APMG) Penang 2018 ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Johor telah bersatu mengadakan larian obor sebagai simbolik tanda sokongan dan mempromosi kejohanan tersebut dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Kaedah larian obor ini adalah secara berbasikal, bermotosikal dan berpacuan empat roda dan melibatkan kira-kira 150 orang peserta.

Larian ini bermula di PULADA iaitu lokasi obor diterima daripada wakil dari Majlis Daerah Kota Tinggi di sempadan daerah Kota Tinggi – Johor Bahru, sebelum dibawa ke lokasi seterusnya (Pit Stop 1) di hadapan bangunan pejabat utama, MBBJ. Pembawa obor akan melalui beberapa laluan iaitu Jalan Kota Tinggi-Johor Bahru, Jalan Pandan, Lebuhraya EDL, Jalan Bakar Batu, Jalan Pasir Pelangi, Jalan Stulang Darat, Jalan Lingkaran Dalam, Lebuhraya Sultan Iskandar, Jalan Dato' Onn (pejabat utama MBBJ) dan lokasi terakhir berhampiran jeti bot persendirian di Country Garden, Johor Bahru.



Pelepasan (*flag off*) oleh Datuk Bandar Johor Bahru selaku penerima obor mewakili MBBJ dilakukan sebelum larian obor diteruskan ke lokasi terakhir tersebut. Kira-kira jam 2.15 petang, penyerahan obor bertukar tangan antara Datuk Bandar Johor Bahru dan Datuk Bandar Iskandar Puteri mewakili Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Turut hadir ketika sesi tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi Negeri Johor, Pegawai Daerah Johor Bahru, Ahli-Ahli Majlis MBBJ, Timbalan Setiausaha MBBJ, ketua-ketua jabatan dan bahagian MBBJ dan wargakerja MBBJ yang terpilih.



MBJB RAI SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN SERENTAK DENGAN PROGRAM JB WAKE UP! CAR FREE DAY



4 OGOS 2018 – Bertemakan cogan 'Sayangi Malaysiaku', MBBJ telah mengadakan Majlis Perasmian Bulan Kemerdekaan 2018 dan Program 'JB Wake Up! Car Free Day' secara serentak. Pelbagai aktiviti menarik diadakan antaranya persembahan pancaragam, persembahan *chinese drums*, zumba dan liga kampung. Melalui program ini, orang ramai berpeluang melakukan aktiviti sukan dan riadah seperti berbasikal, *skate boarders*, berjoging dan *plogging*. Pelaksanaan program ini juga ke arah menjadikan Johor Bahru sebagai bandar raya rendah karbon di samping mempromosikan amalan gaya hidup unggul (*best practices*) serta berdaya huni (*livable city*) dan mempunyai persekitaran yang kondusif untuk didiami.



Rumah Terbuka Aidilfitri MBJB #riangriasyawal

12 JULAI 2018 – Sempena meraikan kehadiran Syawal 1439H, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) tidak ketinggalan mengadakan Rumah Terbuka Aidilfitri MBJB dengan tema #riangriasyawal. Acara tahunan ini diadakan bertujuan menghidupkan tradisi kunjung mengunjung yang selama ini diamalkan oleh masyarakat Melayu Islam, di samping merapatkan silaturahim dan permuafakatan antara MBJB dan warga bandar raya Johor Bahru termasuklah rakan strategik, rakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan masyarakat setempat.

Program berkonsep kios/gerai ini bermula jam 11.30 pagi hingga 3 petang bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Johor Bahru. Kira-kira 3,000 jemputan disasar hadir ke majlis ini termasuklah YB Dato' Hj. Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YB Cik Liow Cai Tung, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri Johor, warga kerja MBJB, wakil agensi kerajaan negeri dan persekutuan, wakil PBT, wakil agensi swasta dan persatuan anak-anak yatim sekitar Johor Bahru.

Antara juadah yang tersedia seperti nasi beriani, ketupat, lempeng, rendang, aneka minuman, lempeng, sate, kuih-muih dan banyak lagi. Turut diadakan, pertandingan kios/gerai terbaik yang dinilai berdasarkan dekorasi kreatif gerai dan kebersihan dalam kalangan jabatan dan bahagian MBJB yang terlibat.





Lensa Aidilfitri





Lawatan dari Majlis Daerah Kuala Selangor

Tarikh : 1 Julai 2018

Jumlah peserta : 25 orang

Objektif : Berkongsi maklumat berkenaan imej korporat meliputi ruang pejabat, kaunter khidmat pelanggan dan juga pengurusan landskap.



Lawatan Rasmi oleh Ketua Pengarah Eksekutif UN-Habitat


Tarikh : 5 Julai 2018

Objektif : Lawatan ini bersempena program *World Cities Summit* dan agenda lawatan bertujuan memperkenalkan Program Transformasi Johor Bahru di bawah kelolaan MBBJ, di samping memberi manfaat yang penuh kepada Bandar Raya Johor Bahru khususnya dalam mencapai tahap sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa.

Info Lawatan



Lawatan dari Jabatan Perancangan Bandar & Desa, Melaka



Tarikh : 10 Julai 2018

Jumlah peserta : 35 orang

Objektif : Berkongsi maklumat mengenai pengurusan garis panduan perancangan dan pembangunan penyediaan perumahan warga asing.



Lawatan dari Perbadanan Putrajaya



Tarikh : 18 Julai 2018

Jumlah peserta : 8 orang

Objektif : Berkongsi ilmu pengetahuan serta pengalaman berkenaan tugas polis bantuan MBBJ.



Lawatan dari Majlis Bandaraya Shah Alam



Tarikh : 26 Julai 2018

Jumlah peserta : 12 orang

Objektif : Berkongsi pengalaman mengenai kaedah dan proses penundaan serta prosedur penyimpanan kenderaan di MBBJ.



Lawatan Berkenaan Adaptasi Konsep dari Miyoko Ecology Centre (Kyoto City)

Tarikh : 7 Ogos 2018

Objektif : Meningkatkan hubungan dua hala antara MBBJ dengan pihak *Kyoto City*, perkongsian dan sumbangan idea dari sudut ekologi di Perpustakaan Sultan Ismail dan merealisasikan hasrat MBBJ ke arah sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa.



Lawatan dari Majlis Bandaraya Alor Setar

Tarikh : 8 Ogos 2018

Jumlah peserta : 25 orang

Objektif : Berkongsi pengalaman berkenaan proses mengatur urus sewaan aset-aset majlis dan tadbir urus unit strata (COB).



Info Lawatan



Lawatan dari Majlis Perbandaran Subang Jaya

Tarikh : 12 Ogos 2018

Jumlah peserta : 18 orang

Objektif : Perkongsian maklumat mengenai pelaksanaan Program Bandar Hijau dan Rendah Karbon.



Lawatan dari Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Tarikh : 19 Ogos 2018

Jumlah peserta : 25 orang peserta

Objektif : Mempelajari hal pentadbiran Koperasi MBBJ dan pembangunan sektor pelancongan di MBBJ.



Lawatan dari Majlis Daerah Hulu Selangor

Tarikh : 16 Ogos 2018

Jumlah peserta : 7 orang

Objektif : Mempelajari hal pengurusan pentadbiran Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) di MBBJ





Majlis Pelancaran PENGEQUALIAN FI LESEN PENJAJA JOHOR

Teks Oleh: Norazirazila binti Ramli

11 OGOS 2018 – Berkuatkuasa 1 September 2018 sehingga 31 Disember 2019, penjaja di seluruh negeri Johor menerima manfaat pengecualian bayaran atau fi lesen penjaja. Majlis pelancaran pengecualian bayaran lesen penjaja ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Hj. Osman bin Sopian, Menteri Besar Johor yang diadakan di Persiaran Segget berdekatan Bazar Karat Johor Bahru. Pengecualian bayaran lesen tersebut akan diberikan kepada penjaja pasar malam, pasar sehari atau pagi, penjaja bergerak dan penjaja statik.

Pengecualian ini hanyalah terpakai untuk bayaran fi lesen sahaja. Bayaran proses permohonan lesen dan lain-lain bayaran yang dikenakan seperti bayaran sewa petak, patil, caj pelupusan sampah dan sebagainya adalah dikekalkan tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan.

Semua penjaja wajib membuat permohonan dan mendapatkan lesen daripada PBT untuk berniaga bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan selain perlu mematuhi syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.



Info Ringkas

Jenis Lesen Penjaja Yang Dikecualikan Bayaran Fi Lesen:

BIL.	JENIS LESEN
1.	Pasar Malam
2.	Pasar Sehari/ Pasar Pagi
3.	Penjaja Bergerak - Food Truck
4.	Penjaja Statik - Luton Van - Bazar JB - Penjaja Berselerak (push cart) - Take Away - Penjaja Sementara Lain (menggunakan khemah & meja)

Jenis Lesen Penjaja Yang Tidak Dikecualikan Bayaran Fi Lesen:

BIL.	JENIS LESEN
1.	A. PENJAJA STATIK
	• Kios di premis berlesen (restoran, medan selera, pasar raya)
	• Gerai/ premis Kerajaan/ premis PBT
2.	• Pasar Awam
	• Pasar Persendirian
3.	• Pasar Borong
4.	B. PENJAJA SEMENTARA
	• Bazar Perayaan
	• Penjaja Buah-Buahan Bermusim • Penjaja Makanan Bermusim (lemang, kuih bulan, daging salai dan sebagainya)



Tarikh:
9 OGOS 2018



LAWATAN PENANDAARASAN MBBJ, ANULAE & PPPJB KE MAJLIS BANDARAYA IPOH (MBI) DAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Lawatan selama tiga hari melibatkan kira-kira 26 peserta ini memilih MBI dan MPS sebagai destinasi lawatan penandaarasan kerana kedua-dua PBT ini mempunyai keistimewaan masing-masing. MBI pernah dianugerahkan sebagai PBT terbaik negara dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) pada tahun 2016. MPS pula telah memperoleh pelbagai kejayaan dalam mencipta inovasi serta membentuk produk kebajikan melalui kerjasama pengurusan. Lawatan ini bertujuan meningkatkan prestasi jabatan untuk tujuan pelaksanaan perkongsian pintar dengan mempelajari dan meninjau produk kebajikan dan amalan terbaik yang diguna pakai di MBI dan MPS.



Tarikh:
15 OGOS 2018



KAUNTER 2(A)
Pemeriksaan Tekanan
Darah &

PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN ANGGOTA MBBJ

Bagi memastikan kesihatan anggota berada pada tahap memuaskan, pemeriksaan kesihatan digalakkan dalam kalangan anggota yang telah berusia 40 tahun ke atas. Antara pemeriksaan yang dijalankan seperti pemeriksaan fizikal, ujian makmal (glukosa, darah dan lipid serum), pemeriksaan pergigian dan pemeriksaan lain yang ditentukan oleh pegawai perubatan yang memeriksa (jika perlu). Hasil pemeriksaan akan diberitahu kepada anggota berkenaan dan akan dimaklumkan sama ada perlu menjalani pemeriksaan lanjutan serta tarikh pemeriksaan berikutnya.





MAJLIS PELANTIKAN & ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MBBJ

BAGI TEMPOH 15 JULAI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2019

Teks Oleh: Nurul Shafina Shaari

17 JULAI 2018 – Seramai 11 orang Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Johor Bahru mengangkat sumpah bagi penggal baharu 2018/2019 untuk tujuan memberi perkhidmatan dan wakil zon masing-masing.

Majlis Pelantikan dan Angkat Sumpah Ahli Majlis yang bermula bagi tempoh 15 Julai 2018 hingga 31 Disember 2019 itu disaksikan oleh YB Tuan Tan Hong Pin, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains & Teknologi Negeri Johor, YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ, ketua-ketua jabatan negeri, persekutuan dan MBBJ serta rakan media.

Majlis dimulakan dengan upacara pelantikan dan angkat sumpah Ahli-Ahli Majlis MBBJ, diikuti dengan penyerahan surat pelantikan Ahli-Ahli Majlis dan pengakuan menerima jawatan serta akuan sumpah menyimpan rahsia dan ikrar menentang rasuah. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains & Teknologi Negeri Johor kemudiannya membacakan surat cara pelantikan Ahli-Ahli Majlis MBBJ bagi penggal 2018 hingga 2019 kepada Ahli-Ahli Majlis yang baharu.



Tahniah & Syabas

Setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan tahniah dan syabas kepada barisan Ahli Majlis MBBJ yang baharu dilantik dengan harapan akan terus berusaha demi kepentingan warga bandar raya Johor Bahru di samping bersatu merealisasikan visi MBBJ untuk menjadikan Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari.



SENARAI AHLI MAJLIS MBBJ

BAGI TEMPOH 15 JULAI 2018-31 DISEMBER 2019



EN. YAP CHEE HOW

ZON TAMAN PELANGI
ZON STULANG



EN. FEBRIUS SIM KEEPOH

ZON BANDAR
ZON KEBUN TEH



EN. TAN JUN LIANG

ZON TAMAN JOHOR JAYA
ZON TAMAN MOLEK



EN. SAIFULANUAR BIN YAHYA

ZON TAMAN DAYA
ZON BANDAR DATO'ONN/
KANGKAR TEBRAU



PN HJH ZAINAH BINTI ABD. HAMID

ZON KEMPAS
ZON MOUNT AUSTIN



EN. ABD AZIZ BIN ABD TALIB

ZON LARKIN
ZON TAMAN ABAD



EN. MOHD SALLEH BIN AHMAD

ZON BANDAR BARU UDA
ZON PENJAJA
ZON DESA CEMERLANG



EN. TAN PENG CHYE

ZON PERMAS JAYA
ZON TIRAM
ZON TAMAN RINTING



EN. ROSLI BIN KEMIN

ZON KG. MELAYU MAJIDEE
ZON BAKAR BATU



EN. ABDULLAH BIN IDERIS

ZON TAMPOI
ZON PELANGI INDAH



EN. AMINUDDIN BIN AYIUB

ZON TELUK DANGA
ZON SETIA AUSTIN



MBJB ANJUR ACARA LELONGAN BARANG SITAAN KALI KE-10



19 OGOS 2018 – MBBJ telah mengadakan acara lelongan ke-10 dan yang pertama bagi tahun 2018, bertempat di Stor Penguatkuasa MBBJ, Taman Mount Austin Johor Bahru. Seramai 40 orang awam telah hadir dan mendaftar sebagai pembida untuk menyertai acara lelongan tersebut. Pelelongan dilaksanakan oleh Bailif MBBJ iaitu Hj. Mohd Taib bin Abdul Samad dan Encik Rahim bin Abu.



Lelongan ditawarkan kali ini melibatkan 37 jenis barang sitaan (kerusi, meja, *stall*, khemah dan sebagainya) dan 16 aset alih (motosikal jenis Modenas Kriss). Berdasarkan jenis barangan tersebut, sebanyak 134 lot barang telah ditawarkan untuk lelongan dan 126 daripadanya berjaya dilelong. Kutipan hasil lelongan kali ini berjumlah RM 19,662.00 (sitaan) dan RM 2,000.00 (aset alih).

Barangan yang dilelong adalah hasil sitaan barang daripada kesalahan di bawah UUK Penjaja (MBJB) 2010, UUK Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981 & Pindaan 2004 dan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 2.6 Arahan Perbendaharaan.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-61



**MBJB, naib johan bagi kategori
PERBARISAN TERBAIK DAN PAKAIAN TERBAIK**

31 OGOS 2018 – Sempena meraikan hari kebangsaan tahun ini, kontinjen perbarisan MBJB tidak melepaskan peluang untuk menyertai Majlis Perhimpunan dan Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-61 Peringkat Daerah Johor Bahru yang bertempat di Kompleks Sukan Educity, Iskandar Puteri dan Peringkat Negeri Johor yang bertempat di Dataran Tanjung Emas, Muar. Kontinjen MBJB telah berjaya meraih Naib Johan bagi Kategori Perbarisan Terbaik dan Pakaian Terbaik pada peringkat Daerah Johor Bahru. Syabas dan tahniah diucapkan!

*Sekitar...Perhimpunan dan Perbarisan
Hari Kebangsaan ke-61 Peringkat Daerah
Johor Bahru*

*Sekitar...Sambutan Hari Kebangsaan ke-61
Peringkat Negeri Johor di Dataran Tanjung
Emas, Muar*



PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21



Gotong-Royong Perdana Toyota Eco Youth Zon Kangkar Indah di Kg. Bunga Ros, Kangkar Tebrau
Tarikh: 29 Julai 2018



Gotong-Royong Perdana Zon Kangkar Daya di SMK Tun Fatimah Hashim, Taman Daya
Tarikh: 11 Ogos 2018



Liga Bola Sepak Development Champion Daerah JB (Zon Bakar Batu) di PPR Sri Stulang
Tarikh: 11 Ogos 2018



Gotong-Royong Zon Mount Austin di Gelanggang Bola Keranjang, Taman Austin Perdana
Tarikh: 12 Ogos 2018



Pertandingan Mewarna Kemerdekaan Zon Permas Jaya, Teluk Jawa di Dataran Permas Jaya
Tarikh: 25 Ogos 2018



Sambutan Bulan Kemerdekaan Zon Bakar Batu di Balai Raya Kg. Bakar Batu
Tarikh: 2 September 2018



Gotong-Royong Zon Bakar Batu di Kg. Dato' Hajah Hasnah
Tarikh: 9 September 2018



Gotong-Royong Zon Kebun Teh di Tanah Perkuburan Kebun Teh
Tarikh: 14 September 2018



Fiesta Kempas Cergas Zon Kempas di Medan Selera Taman Cempaka
Tarikh: 16 September 2018



Pesta Tanglung Zon Tiram di Dataran Muafakat Tiram
Tarikh: 22 September 2018



Gotong-Royong Zon Teluk Danga di Dewan Taman Tasek
Tarikh: 23 September 2018



Sambutan Bulan Kemerdekaan & Hari Malaysia Zon Bandar Dato' Onn di Blok 14 & 15 Taman Desa Mutiara
Tarikh: 23 September 2018



Pesta Tanglung Zon Permas di Dewan Permas
Tarikh: 29 September 2018

Program Qurban & Aqiqah 1439H/2018M Peringkat MBBJ



25 OGOS 2018 – Program diadakan bermula jam 8 pagi bertempat di Stor Pusat, Jabatan Khidmat Pengurusan dan Bengkel Kejuruteraan, Mount Austin Johor Bahru. Anggota MBBJ yang menyertai bahagian korban dan akikah hadir ke lokasi untuk mengambil 1/3 atau 2/3 daripada bahagian daging korban masing-masing. Sebanyak 81 penama menyertai ibadah korban kali ini iaitu korban 14 ekor lembu dan 4 ekor kambing menurut bahagian masing-masing. Program ini secara tidak langsung memupuk sikap suka memberi dan membahagiakan orang lain di samping merungkai hikmah di sebalik penyariatan ibadah haji dan korban.



Ceramah Perdana Aidiladha Peringkat MBBJ

27 OGOS 2018 – Sempena Aidiladha 1439H kali ini, MBBJ telah mengundang Al Fadhil Ustaz Ellyeen Amineen bin Mohd Salleh Al-Hafiz (Panelis TV Al Hijrah, Penceramah Bebas dan Mantan Pegawai Agama UTM) menyampaikan ceramah perdana berjudul 'Indahnya Keluarga Sakinah' bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Johor Bahru.



MAJLIS PELANCARAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Teks Oleh: Mohd Alhafiz bin Jaffar

25 OGOS 2018 – Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Majlis Bandaraya Johor Bahru telah dirasmikan oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru. Majlis ini turut diisi dengan sesi taklimat berkenaan tatacara pelaksanaan EKSA oleh penceramah jemputan yang telah menggunakan sistem ini dalam pentadbirannya, iaitu Pn. Raha binti Jawahir, Timbalan Pengarah Penjara Negeri Johor, Jabatan Penjara Negeri Johor.

EKSA merupakan penjenamaan semula amalan 5S yang telah digunakan dalam sektor awam sejak 2010. Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA masih berteraskan amalan 5S yang ditambahbaik di samping elemen baharu dengan menekankan beberapa aspek tambahan seperti persekitaran kondusif, teknologi hijau, inovasi dan kreativiti serta keselamatan dan keselesaan.

Antara objektif pelaksanaan EKSA dalam organisasi bagi mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, kemas dan selamat, memastikan pengurusan operasi organisasi menjadi mudah, cekap dan berkesan, di samping menghasilkan prestasi kerja yang berkualiti dan produktif bagi memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholder* dan mempertingkatkan imej korporat organisasi.



MBJB Terima Anugerah di FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA

3 SEPTEMBER 2018 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima dua anugerah dalam Pertandingan Laman Floria DiRaja/ Royal Floria Putrajaya yang telah diadakan pada 25 Ogos hingga 2 September 2018. Bertemakan konsep 'Igniting of Independence' yang bermaksud 'Semarak Kemerdekaan', MBJB telah menjuarai kategori 'Starlight Award' dan turut menerima Anugerah 'Garden Creative Award'. Dalam pertandingan tersebut, MBJB turut mempamerkan landskap kejur berunsurkan elemen patriotik serta menggunakan bahan kitar semula sebagai inisiatif penjimatan serta mesra hijau. Tahniah dan syabas diucapkan!



MBJB SANASINI



PUSPANITA MBJB merayakan anggota menunaikan fardu haji
Tarikh: 11 Julai 2018



Pengundian gerai pasar Taman Sri Tebrau di Dewan Sri Tebrau
Tarikh: 16 Julai 2018



Program Bacaan Ratib/Asma ul Husna dan penyampaian sumbangan PPPJB kepada anggota yang akan menunaikan fardu haji
Tarikh: 19 Julai 2018



Mesyuarat PBT Johor bersama Exco
Tarikh: 26 Julai 2018



Gotong-royong cegah denggi peringkat negeri Johor di Taman Anggerik, Johor Bahru
Tarikh: 28 Julai 2018



Larian amal Laksamana Run di Dataran Bandaraya Johor Bahru
Tarikh: 28 Julai 2018



Pengundian tapak pasar sementara Taman Suria di bangunan JOTIC
Tarikh: 29 Julai 2018



Program tanaman Pokok Timberland di Hutan Bandar Johor Bahru
Tarikh: 15 Ogos 2018



Larian 'Kiwanis 818' di Setia Eco Sales and Gallery
Tarikh: 18 Ogos 2018



Program Jom Kayuh Merdeka di Dataran Bandaraya Johor Bahru
Tarikh: 30 Ogos 2018



Kayuhan Jelajah Langkawi 2018 di Langkawi, Kedah
Tarikh: 9 September 2018



Bola Sepak Persahabatan MBBJ 2 vs MPKB 3 di Dataran Bandaraya Johor Bahru
Tarikh: 29 September 2018

OPS CUKAI HARTA

Teks Oleh:
Megat Mohd Hazwan bin Yahya

3 - 5 SEPTEMBER 2018 – Operasi sitaan cukai harta pada tahun ini telah dijalankan selama tiga hari berturut melibatkan kawasan Bandar Baru Permas Jaya, Bandar Baru Uda, Kawasan Perindustrian Kota Puteri dan Taman Setia Indah, Johor Bahru. Kesemua kawasan yang terlibat adalah dalam kategori perusahaan dan perdagangan dengan tempoh tunggakan bayaran cukai harta telah melebihi dua tahun. Hasil kutipan semasa operasi sitaan yang diperolehi adalah sebanyak RM 75,741.20. Anggota yang terlibat dengan operasi sitaan terdiri daripada anggota dari Jabatan Penilaian, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Undang-Undang dan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, MBBJ.

Tujuan utama diadakan operasi cukai harta ini untuk memberi kesedaran terhadap pemilik pegangan tentang kepentingan membayar cukai harta dan impak sekiranya gagal berbuat demikian. Selain itu, pemilik pegangan juga wajar mengetahui tempoh atau penggal yang telah ditetapkan untuk pembayaran cukai harta tersebut bagi mengelakkan pegangan harta pemilik disita oleh pihak MBBJ.



Sambutan Maal Hijrah 1440H

Teks Oleh: Yusuf Hasni bin Haji Montalib

20 SEPTEMBER 2018 – MBBJ dengan kerjasama AJK Surau An-Nur, Taman Stulang Laut, Johor Bahru (Surau Angkat MBBJ) telah mengadakan sambutan Maal Hijrah 1440H. Program bermula seawal jam 6 petang dengan pengisian seperti berzanji, selawat, solat fardu Maghrib berjemaah, sesi ceramah perdana dan solat fardu Isyak berjemaah. Sesi ceramah perdana telah disampaikan oleh personaliti TV iaitu Imam Muda Asyraf (Juara Imam Muda Musim Pertama, Panelis TV Al-Hijrah, TV3 dan Astro Oasis).

Penganjuran program ini menjadi satu alternatif kepada kakitangan dan masyarakat bagi menghayati dan meneladani akhlak peribadi Rasulullah SAW melalui siri sirahnya. Selain itu, pembaharuan yang lebih baik dapat diterapkan dalam diri bagi mencapai keredaan Allah SWT melalui baihah solehah dalam kalangan masyarakat untuk membentuk sebuah masyarakat majmuk, aman dan harmoni.



KOLABORASI PSI, IPG KAMPUS TEMENGGONG IBRAHIM JOHOR & YBJB RAI SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN

Teks Oleh: Sarwan bin Sirkam

19 SEPTEMBER 2018 – Bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan tahun 2018 yang bertemakan ‘Sayangi Malaysiaku’, Perpustakaan Sultan Ismail (PSI) dengan kerjasama Institut Perguruan Guru (IPG) Kampus Temenggong Ibrahim Johor telah mengadakan pelbagai aktiviti antaranya Pertandingan Bercerita untuk Pelajar Pra Sekolah (Tema: Sayangi Malaysiaku), Mini Mural untuk Pelajar Sekolah Rendah (Tema: Cintai Malaysiaku) dan Menulis Karangan/ Esei untuk Pelajar Sekolah Menengah dan Tingkatan Enam (Tema: Surat Harapan Generasi Muda kepada Perdana Menteri). Slot program ini turut diisi dengan Persembahan Deklamasi Sajak oleh guru pelatih IPG kampus berkenaan.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi setiap kategori telah disampaikan oleh Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Tn. Hj. Mohd Zain bin Badui, Pengarah IPG Kampus Temenggong Ibrahim dan tetamu jemputan.

Penganjuran program seumpama ini secara tidak langsung memupuk semangat patriotisme dalam jiwa masyarakat terutamanya para pelajar agar sentiasa sayang dan cinta akan negara serta berusaha mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai sehingga kini.



PERHIMPUNAN BULANAN MBBJ

25 SEPTEMBER 2018 – Perhimpunan bulanan MBBJ melibatkan pengurusan tertinggi MBBJ, Ahli-Ahli Majlis MBBJ dan warga kerja MBBJ. Amanat baharu dan terkini telah disampaikan oleh Datuk Bandar yang mengandungi pencapaian, kejayaan, isu semasa yang berlaku dalam tempoh beberapa bulan sehingga September tahun ini. Slot perhimpunan bulanan turut diisi dengan persembahan tayangan video sorotan peristiwa MBBJ bagi bulan Mac hingga Ogos 2018 dan pengenalan anggota lantikan MBBJ yang baharu. Sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang yang telah berjaya menyumbang dan mengharumkan nama MBBJ di peringkat kebangsaan dan antarabangsa turut diadakan.



**JADUAL WAKTU OPERASI
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

PEJABAT UTAMA MBBJ & JOTIC

HARI	JAM
AHAD –RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TGH - 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 -219 8000

KAUNTER SETEMPAT MBBJ

HARI	JAM
AHAD –RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompau MBBJ)

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 TGH
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 -386 1535

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

(Bagi Urusan Semakan dan Bayaran Cukai Harta & Kompau MBBJ, Pembaharuan Lesen Iklan, Perniagaan & Penjaja, Permohonan Pindah Milik (Borang I), Bayaran Sewa Gerai, Semakan & Permohonan Sewaan Dewan, Jualan Kupon Letak Kereta/ 'Parking Coupon' dan Aduan Awam)

HARI	JAM
AHAD –RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 3.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-357 3314

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompau MBBJ)

HARI	JAM
SETIAP HARI	8.30 PAGI – 9.30 MALAM
WAKTU REHAT	7.00 MALAM - 8.00 MALAM (SABTU - KHAMIS) & 12.15 TGH - 2.45 PETANG (JUMAAT)
KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-351 1503

KAUNTER BERGERAK (e-NOBAS)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompau MBBJ)

SILA LAYARI LAMAN WEB MBBJ (www.mbjb.gov.my) UNTUK JADUAL PERKHIDMATAN TERKINI	
NO. TEL. WAKTU PEJABAT	07 –219 8077
NO. TEL. WAKTU URUSAN KAUNTER BERGERAK	019 -720 3290

**MISI
PERKHIDMATAN
PELANGGAN MBBJ**

Memberikan
Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra
Kepada Pelanggan

**WAKTU OPERASI
KAUNTER PANDU BAYAR**
(Bayaran Cukai Harta & Kompau MBBJ Sahaja)

**MAC, APR, MEI, JUN,
SEPT, OKT, NOV & DIS**

DIBUKA PADA AHAD SAHAJA	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
----------------------------	-------------------------

TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM

Tel : 07-219 8008
(Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan MBBJ)



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
PETI SURAT 232, JALAN DATO' ONN,
80720 JOHOR BAHRU, JOHOR

TALIAN AM: 07-219 8000
FAKSIMILE: 07-223 0619
TALIAN BEBAS TOL: 1-300-88-0146
WHATSAPP ADUAN: 019-778 8212
LAMAN WEB: www.mbjb.gov.my
LAMAN SISPA: mbjb.spab.gov.my
E-MEL: info@mbjb.gov.my

ISSN 2462-1536



9 772462 153006